

Headline	Wajib haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	26	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	450 cm ²
Journalist	Oleh TENGKU AZIZ RAJA ABDULLAH	AdValue	RM 8,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,682



Oleh TENGKU AZIZ RAJA ABDULLAH

WAJIB haji merupakan satu pekerjaan yang wajib dilakukan ketika mengerjakan ibadat haji. Jika tidak dikerjakan salah satu daripadanya atau dilakukan juga tetapi tidak sah, biarpun hajinya tetap sah tetapi jemaah haji tersebut dikenakan dam menurut syarat-syaratnya. Jemaah haji tersebut juga akan menanggung dosa jika meninggalkan wajib haji tersebut dengan sengaja. Wajib haji adalah seperti berikut:-

1 Berniat ihram di miqat

Berniat ihram di *miqat* bermakna lafadz niat haji mestilah dilafazkan di tempat-tempat yang telah ditetapkan oleh syarak (*miqat*) mengikut arah masuk Mekah dan masanya. Lafaz tersebut perlu dilafaz sama ada di tempat tersebut atau sebelum melintas tempat tersebut.

Setelah dilafazkan niat haji tersebut sama ada sebelum melintasi miqat atau di miqat maka mereka perlu menjaga larangan semasa dalam ihram (13 perkara akan diterangkan kemudian). Jika tidak dijaga maka dikenakan dam ke atasnya (dam tersebut mengikut apa yang dilanggarinya).

Miqat terbahagi kepada dua iaitu: *Miqat Makani* dan *Miqat Zamani*

i) *Miqat Zamani* (masa) bagi haji ialah pada bulan-bulan haji yang bermula 1 Syawal sehingga sebelum masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijah.

ii) *Miqat Makani* (Tempat) ialah tempat untuk mereka berniat ihram. Tempat itu mengikut arah masuk Jemaah haji ke Mekah. Jika dari arah Madinah, Miqat Makaninya di Zulhulaifah atau Bir Ali.

Jika dari arah Malaysia yang terus masuk Mekah maka *Miqat Makaninya* di Qarnul Manazil.

Miqat lain: Yalamlam jika dari arah Yaman, Al Juhfah jika dari arah Jordan dan Zatu 'Irqin jika dari arah Iraq

Peringatan: Bagi penduduk Mekah atau mereka yang sudah berada di situ, maka niat ihram haji tamattu' di Tanah Haram (Mekah, Mina dan Muzdalifah)

2 Meninggalkan larangan semasa dalam ihram

Bagi jemaah haji yang berniat ihram haji maka

dilarang kepada mereka untuk melakukan perkara yang disebut di bawah (13 perkara) bermula daripada niat ihram sehinggagalah Tahallul Thani (Tahallul yang kedua):-

- i. Bagi lelaki sahaja - Memakai pakaian bersarung/ berjahir/ bercantum seperti seluar, baju kemeja, stoking, kasut yang menutup jari-jari kaki dan tumit, kain pelekat yang disarung dan sebagainya
 - ii. Bagi lelaki sahaja - Menutup kepala atau sebahagian daripadanya dengan menggunakan songkok, kopiah/ serban, kain ihram dan sebagainya
 - iii. Bagi wanita sahaja - Menutup muka
 - iv. Bagi wanita dan lelaki - Memakai sarung tangan
 - v. Bagi wanita dan lelaki - Memakai wangian yang sama ada di badan, makanan, minuman atau menghidunya ke dalam hidung
 - vi. Bagi wanita dan lelaki - Memakai minyak di kepala, janggut dan semua bulu muka selain yang tumbuh di pipi dan dahi
 - vii. Bagi wanita dan lelaki - Menanggalkan rambut atau bulu dari mana-mana anggota badan
 - viii. Bagi wanita dan lelaki - Menggerat atau memotong kuku
 - ix. Bagi wanita dan lelaki - Memotong, menebang, menggerat, mematah, mencabut atau membinaaskan pokok-pokok di Tanah Haram
 - x. Bagi wanita dan lelaki - Memburu, menembak, menangkap, mengurung atau membinaaskan binatang buruan darat yang halal dimakan sama ada di Tanah Halal atau Haram (belalang dikira binatang buruan)
 - xi. Bagi wanita dan lelaki - Berkahwin, mengahwinkan atau menerima wakil kahwin
 - xii. Bagi wanita dan lelaki - Melakukan mukadimah persetubuhan
 - xiii. Bagi wanita dan lelaki - Bersetubuh
- 3 Bermalam di Muzdalifah** - bermaksud jemaah haji perlu berada di Muzdalifah pada malam 10 Zulhijah bermula dari melebihi separuh malam pada malam tersebut sehingga sebelum waktu Subuh (walaupun sekejap dalam masa tersebut).

Headline	Wajib haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	26	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	450 cm ²
Journalist	Oleh TENGKU AZIZ RAJA ABDULLAH	AdValue	RM 8,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,682

Masuk waktu tengah malam dikira melebihi setengah malam.

4 Melontar tujuh biji anak batu di Jamrah Kubra (Aqabah) (10 Zulhijjah) - bermaksud melontar tujuh biji batu di Jamrah Kubra pada hari ke-10 Zulhijjah. Masuk waktu melontar bermula selepas separuh malam 10 Zulhijjah sehingga terbenam matahari masuk (waktu Maghrib) pada 13 Zulhijjah. Melontar di Jamrah Kubra ini ada syarat-syaratnya.

5 Bermalam di Mina (11, 12 dan 13 Zulhijjah) **5** Ini bermaksud berada di Mina pada malam-malam hari tasyriq iaitu pada malam 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Bermula hari dalam Islam pada waktu Maghrib (contoh malam ke-11 bererti malam itu malam ke-11 dan esoknya hari ke-11). Tempoh bermalam hendaklah duduk pada malam tersebut di Mina melebihi separuh dari waktu malam. Jika tempoh malam 12 jam maka jemaah perlu duduk di Mina melebihi 6 jam lebih sedikit. Tempoh ini berterusan, sama ada pada awal malam atau pertengahannya dengan tiada putus-putus. Jika

terputus-putus tidak sah bermalam pada malam tersebut.

Jika tidak sah bermalam satu malam maka dikenakan dam satu cupak beras. Dua malam, dua cupak beras. Jika tiga malam dikenakan dam Tertib dan Taqdir (seekor kambing atau 1/7 daripada lembu atau unta).

6 Melontar ketiga-tiga Jamrah (Jamrah Sughra, Wusta dan Kubra) - bermaksud melontar anak batu di ketiga-tiga jamrah iaitu bermula di Sughra, Wusta dan Kubra pada setiap hari (11, 12 & 13 Zulhijjah) mengikut syarat-syaratnya.

Perhatian

A. *Tahallul* - bermaksud melepaskan diri daripada larangan dalam ihram dan terbahagi kepada dua, iaitu; *Tahallul Awwal* dan *Tahallul Thani*.

B. *Nafar* - bermaksud keluar meninggalkan Mina. *Nafar* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu; *Nafar Awwal* dan *Nawar Thani*.

■ PENULIS ialah Pengurus Besar (Bimbingan), Lembaga Tabung Haji.



Bicara